

## BIMB LANTIK DUA AHLI LEMBAGA PENGARAH BAHARU

Datuk Bazlan Osman dan Puan Nuraini Ismail dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**KUALA LUMPUR, Jumaat, [7 Januari 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB" atau "Kumpulan") mengumumkan pelantikan Datuk Bazlan Osman dan Puan Nuraini Ismail sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif baharunya, berkuat kuasa hari ini.

Pelantikan itu akan mengukuhkan lagi komposisi Lembaga Pengarah Kumpulan apabila BIMB memulakan era baharu sebagai bank Islam tulen dan lengkap yang pertama tersenarai di Bursa Malaysia.



Datuk Bazlan, 58, memulakan kerjayanya sebagai juruaudit di sebuah firma perakaunan awam pada 1986. Beliau berkhidmat dengan Kumpulan Sime Darby dengan memegang pelbagai jawatan kewangan di pejabat korporatnya di Kuala Lumpur, Singapura dan Melaka dari 1989 hingga 1993. Beliau kemudian berkhidmat dengan American Express Malaysia Berhad sebelum menyertai Kumpulan FIMA Berhad pada tahun 1994, yang mana beliau kemudian dilantik sebagai Naib Presiden Kanan (SVP), Kewangan/Setiausaha Syarikat.

Beliau juga pernah menyertai Celcom Axiata Berhad pada 2001 sebagai Naib Presiden Kanan, Kewangan Korporat dan Perbendaharaan serta Ketua Pegawai Kewangan pada 2002 sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Telekom Malaysia Berhad ("TM") pada 2005. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan sebelum berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif TM.

Datuk Bazlan juga adalah Ahli Lembaga Pengarah di empat syarikat tersenarai awam iaitu FIMA Corporation Berhad, Bursa Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan Glomac Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Pusat Perakaunan Profesional Malaysia ("MyPAC").

Memiliki ijazah Diploma Perakaunan dari Polytechnic of North London, Datuk Bazlan pernah menghadiri program pengurusan kepimpinan kanan di University of Oxford's SAID Business School and IMD. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah, ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA") dan Felo Persatuan Akauntan Bertauliah ("ACCA"), United Kingdom.



Puan Nuraini Ismail, 59, merupakan Felo Persatuan Akauntan Bertauliah (FCCA), United Kingdom, dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang perpendaharaan, audit, cukai, kewangan dan perancangan korporat, kaedah dan sistem, pengurusan kewangan dan perakaunan, belanjawan kumpulan, penggabungan kumpulan, kewangan perdagangan, kawalan kredit, pemulihan pinjaman, analisis kewangan, operasi bank, logistik dan operasi.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai juruaudit di Azman, Wong and Salleh, selepas berkhidmat di sektor awam. Puan Nuraini pernah berada dalam industri perbankan dengan menyertai Bank Bumiputra Malaysia, Bumiputra Merchant Bankers dan Mayban Finance sebelum bertugas di PETRONAS pada tahun 1992.

Puan Nuraini memegang pelbagai jawatan kanan di PETRONAS termasuk Pengurus Besar Kanan, Perpendaharaan Kumpulan; Pengurus Besar, Kewangan dan Perkhidmatan Akaun, dan Pengurus Besar, Perkhidmatan Komersial Malaysian International Trading Corporation Sdn. Bhd. sebelum memegang jawatan terakhir sebagai Naib Presiden Perpendaharaan, Kewangan, PETRONAS.

Pengerusi BIMB, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar berkata, "Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Datuk Bazlan dan Puan Nuraini ke Kumpulan BIMB. Kami menantikan pandangan berharga mereka dalam mencarta Kumpulan ke tahap yang lebih tinggi. Kepakaran dan rekod prestasi mereka dalam industri akan menjadi aset kepada BIMB."

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Rohazida Mohamed</b> Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: <a href="mailto:rohazidam@bankislam.com.my">rohazidam@bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: <a href="mailto:omar@bankislam.com.my">omar@bankislam.com.my</a>
--	---